

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING (KULAI)

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan susulan selepas Mahkamah Persekutuan pada 19 November memberikan kerakyatan Malaysia kepada seorang remaja lelaki yang dilahirkan di Kuala Lumpur pada 2004 oleh wanita yang tidak dikenali dan kemudian diambil sebagai anak angkat oleh pasangan warga Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan yang diputuskan pada 19 November 2021. Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan melaksanakan perintah tersebut dan telah menghubungi pihak pemohon melalui peguam beliau supaya hadir ke JPN bagi melaksanakan perintah tersebut.